

TEKS UCAPAN
PROFESOR DR RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSOLOR UTeM

**MAJLIS PELANCARAN KERJASAMA STRATEGIK ARTIKULASI
PROGRAM DIPLOMA KEMAHIRAN DAN VOKASIONAL KE IJAZAH
SARJANA MUDA TEKNOLOGI & PROGRAM JERAYARAWA PROGRAM
SARJANA MUDA TEKNOLOGI MTUN.**

19 Julai 2019 (Jumaat), 9.00 pagi

Dewan Canselor

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Dato' Mahfuz Omar

Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia

Yang Berbahagia Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir

Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Tinggi

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Academician Ir. Dr. Teknologis
Ahmad Zaidee bin Laidin,**

Pengerusi MBOT

Yang Berusaha Encik Suimi bin Abdul Majid

Timbalan Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Naib–Naib Canselor MTUN, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Penolong-Penolong Naib Canselor, Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti,

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Wakil-Wakil dari MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti, Insititusi-Institusi Latihan Kemahiran, Staf, Pelajar, Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi yang indah ini, kita dapat dipertemukan dalam **Majlis Pelancaran Kerjasama Strategik Artikulasi Program Diploma Kemahiran dan Vokasional ke Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Program Jerayawara Program Sarjana Muda Teknologi MTUN.**

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Mahfuz Omar Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia**, di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir seterusnya merasmikan program pagi ini.

Melayang serindit jauh di sana,
Merbah berkicau di hujung muara,
Kehadiran Yang Berhormat Dato' meriah suasana,
Kami di UTeM menyambut gembira.

3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan

Malaysia, MBOT dan wakil-wakil yang hadir dari pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi terutamanya yang menawarkan pendidikan TVET seperti MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Insititusi-Institusi Latihan Kemahiran dan lain-lain, juga tidak dilupakan kepada rakan-rakan strategik industri. Selamat Datang ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Selamat Datang ke Melaka Bandar Bersejarah, Tapak Warisan Dunia UNESCO.

4. UTeM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi TVET, senantiasa memberi sokongan penuh dan berterusan bersama-sama rakan MTUN, dalam memartabatkan pendidikan tinggi TVET negara untuk ke tahap yang lebih cemerlang dan membanggakan seperti mana pelaksanaannya di negara-negara maju seperti Jerman, Korea, Australia, Kanada dan lain-lain lagi.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. TVET bukanlah satu bidang pendidikan yang baharu terutamanya terhadap negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Hal ini kerana pendidikan ini menjadi agen perubahan dalam melahirkan bakat insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan supaya keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir di negara ini pada masa hadapan dapat dipenuhi.
6. Pada masa ini, bidang pendidikan TVET Negara telah menjadi pilihan utama khususnya dikalangan generasi muda sebagai destinasi untuk memperkasakan kemahiran dan pengetahuan berkaitan teknikal dan kemahiran. Perkara ini telah dibuktikan dengan peningkatan

enrolmen pelajar dari tahun ke tahun di MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi-Institusi Latihan Kemahiran. Namun, lebih membanggakan adalah dengan peningkatan kadar kebolehpasaran yang direkodkan untuk tahun 2018, yang mana MTUN sendiri mencatatkan kadar GE sebanyak 87% bagi tempoh enam bulan selepas graduan berkonvokesyen.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Menyedari kepentingan TVET, MTUN sendiri bersama-sama rakan penyedia pendidikan tinggi TVET yang lain telah merangka pelbagai

inisiatif murni untuk memartabat dan memperkasakan agenda transformasi pendidikan tinggi TVET negara.

8. Antara inisiatif terkini yang telah diambil oleh MTUN sendiri adalah dengan menawarkan 10 program baharu Sarjana Muda Teknologi, sepertimana yang telah dilancarkan di Universiti Malaysia Pahang pada 26 Jun baru-baru ini. Kesemua program-program Teknologi yang dirangka ini merupakan kesinambungan program-program sedia yang ditawarkan oleh Institut Latihan Kemahiran yang mengiktiraf kelebihan daripada sudut kemahiran dan tidak memerlukan program pengukuhan atau *bridging program*.
9. Uniknya, pembangunan program Sarjana Muda Teknologi ini dilaksanakan dengan kerjasama erat antara ahli MTUN yang terdiri

daripada UTeM, UTHM, UNIMAP dan UMP, kapten-kapten industri, Bahagian Kecemerlangan Akademik JPT, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Bahagian Kurikulum MARA.

10. Selain itu, buat julung kalinya, kaedah rekabentuk dan penyampaian kurikulum program Sarjana Muda Teknologi ini menggunakan pendekatan berasaskan pekerjaan atau pun *occupational-based* berdasarkan Garis Panduan Rekabentuk dan Penyampaian Kurikulum TVET Jabatan Pendidikan Tinggi.
11. Pendekatan *occupational based* ini adalah selari dengan pengamalan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai NOSS di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran di Kementerian Sumber Manusia untuk program di peringkat Sijil dan

Diploma. Pendekatan ini membolehkan artikulasi antara aliran kemahiran dan Program Sarjana Muda Teknologi berjalan dengan lancar.

12. Selain itu, untuk makluman hadirin hadirat, dalam memastikan artikulasi lulusan DKM dan DLKM berjalan lancar, Jabatan Pembangunan Kemahiran telah memperuntukkan dana sebanyak RM100,000.00 kepada UTeM dan rakan MTUN bagi pelaksanaan aktiviti pemetaan kompetensi kurikulum Sarjana Muda Teknologi dan NOSS serta penganjuran aktiviti jerayawara berkaitan artikulasi TVET seperti yang dianjurkan pada hari ini. Terima kasih kepada pihak JPK atas sokongan padu yang diberikan ini.

13. Selain daripada manfaat dari sudut artikulasi, pendekatan *occupational based* juga menjamin rekabentuk kurikulum dan penyampaian program Sarjana Muda Teknologi ini menjurus kepada keperluan industri bagi menjamin kebolehpasaran graduan dan memenuhi keperluan pendaftaran Teknologis Profesional oleh MBOT.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

14. Penawaran program baru Sarjana Muda Teknologi akan bermula pada tahun ini. UTeM sendiri bakal menawarkan sebanyak enam

program baharu, di mana dua daripadanya iaitu Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dan Sarjana Muda Teknologi Permesinan dengan kepujian, Insya Allah akan memulakan pengambilan pertama pada sesi kemasukan bulan September tahun ini.

15. Selain itu, UTeM bersama-sama rakan MTUN lain turut menyediakan dan menawarkan kaedah artikulasi lain dalam memastikan lepasan graduan TVET dapat meneruskan pengajian ke tahap 6, 7 dan 8. Kaedah tersebut adalah seperti penyediaan laluan khas atau *bridging* graduan TVET lepasan DVM dan DKM untuk program selain bidang teknologi, selain kemasukan melalui Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Terdahulu atau APEL yang memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan

atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di MTUN.

16. Justeru itu, saya mengambil peluang ini, menyeru hadirin dan hadirat sekalian khususnya kepada lepasan DVM atau DKM mahupun lain-lain lulusan untuk mengambil peluang yang disediakan oleh MTUN ini bagi memperkasakan lagi ilmu dan pengetahuan ke aras yang lebih tinggi khususnya dalam bidang teknologi selain daripada bidang teknologi kejuruteraan dan kejuruteraan .

Hadirin dan Hadirat sekalian,

17. Diharapkan, menerusi inisiatif-inisiatif strategik ini, kita mampu melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh industri dan

negara bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0 seterusnya menjadi kunci ke arah pembangunan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi pada tahun 2050.

18. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan lain-lain pihak dan agensi yang sentiasa memberikan sokongan berterusan kepada UTeM dan MTUN sehingga program Sarjana Muda Teknologi ini dapat ditawarkan dengan jayanya. Kepada Jawatankuasa Pelaksana, Pejabat Timbalan Naib Canselor UTeM dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, syabas dan

tahniah di atas segala usaha dalam merancang dan menzahirkan penganjuran program bermanfaat ini.

Batang halban di bawa ke huma,
Meniti senja biasan mentari,
Pendidikan TVET pilihan utama,
Memacau pembangunan negara lestari.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.*
Terima kasih.